



## TUSB UniMAP TERIMA GERAN PENYELIDIKAN RM500,000

Oleh : Mohd Basri Basir

Technopreneur Sdn. Bhd. (TUSB), sebuah anak syarikat Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang berperanan untuk menggerakkan usaha pengkomersialan produk universiti itu, hari ini menerima geran penyelidikan industri berjumlah RM500,000.

Geran penyelidikan untuk tempoh setahun itu disumbangkan oleh anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs), Pens Industries Sdn. Bhd. (Pens Industries).

Menurut Naib Canselor UniMAP, Prof. Datuk Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, geran tersebut adalah bagi tujuan penyelidikan dalam tiga disiplin iaitu teknologi dron, bahan terbaharu dan analisis bahan.

"Kita yakin dengan adanya geran ini, UniMAP dapat memperkasakan aktiviti penyelidikan berasaskan industri bagi memastikan hasilnya mampu memberi manfaat kepada bidang itu dan komuniti.

"UniMAP seterusnya berharap penyelidikan ini nanti mampu memberi impak kepada bidang kuari yang merupakan teras utama perniagaan Pens Industries," katanya selepas mengadakan pertemuan ringkas dengan pihak Pens Industries yang diketuai oleh Pengurus Besarinya, Ridzuan Ishak di sini.

Yang turut hadir, Pengerusi TUSB, Prof. Datuk Dr. Salleh Din serta barisan penyelidik UniMAP antaranya Prof. Dr. Hazry Desa, Prof. Madya Dr. Nik Noriman Zulkepli dan Muhammad Azizi Azizan.

